

Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FESTKUM) 2012, Mendapat Sambutan Masyarakat Kuala Terengganu

Disediakan oleh : Mohd Khairuddin bin Ahmad

Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia atau dikenali dengan singkatan FESTKUM anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) hasil gabungan padu daripada 20 universiti awam Malaysia telah Berjaya dilaksanakan pada 1-5 November 2012 yang lepas di Negeri Terengganu Darul Iman melibatkan tiga lokasi sekitar Kuala Terengganu, iaitu Kampung Alor Limbat, Kampung Sebrang Takir dan Pasar Payang dengan meriah sekali.

Festival yang berkonsepkan persembahan *dance parade* dan penuh warna-warni tersebut padat dengan pengisian yang

bukan sahaja menghiburkan malah member input kepada mahasiswa IPTA seluruh Negara dan output yang berguna kepada masyarakat setempat. Selain daripada pengisian persembahan kebudayaan terdapat juga aktiviti lain yang turut diselitkan bagi memeriahkan lagi festival termasuklah aktiviti keusahawanan berbentuk penjualan cenderamata, hasil seni dan kraftangan, bengkel tarian, lukisan, penulisan skrip, teater, pameran dan bengkel seni rekacipta, lukisan dan kraftangan, nyanyian tradisional, irama Malaysia, Nasyid, Tarian Tradisional setiap negeri, tarian rakyat dan kontemporari, muzik tradisional, nusantara dan sukan rakyat.

